

Mahathir sedih keputusan Liong Sik letak jawatan

UM 23 MAY 2000

KUALA LUMPUR 22 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak boleh menghalang hasrat Datuk Seri Dr. Liong Sik untuk melepaskan jawatan kabinetnya walaupun berharap Liong dapat menimbangkan semula hasratnya itu.

Perdana Menteri berkata, Liong memang pernah membayangkan kepada beliau untuk melepaskan jawatan dalam kabinet dan beliau telah cuba menghalangnya tetapi gagal memujuk Liong.

“Saya berasa sedih dengan keputusannya itu tetapi saya tidak boleh menahannya. Beliau telah menentukan hasratnya itu.

“Beliau adalah seorang menteri yang baik dan telah memainkan peranan yang penting dalam kerajaan dan berjaya melaksanakan tugas dengan cemerlang terutama dalam mempromosikan pelaburan kita.

“Beliau bukan sahaja melawat pelabuhan tetapi

juga bertemu dengan pemilik syarikat perkapalan. Beliau cukup berjaya sehingga pelabuhan kita mencatatkan pertumbuhan hampir 200 peratus sejak beliau mengendalikan perkara itu,” katanya selepas melancarkan imej korporat baru MEC di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas pengumuman Liong dalam mesyuarat Jawatankuasa Pusat MCA hari ini untuk bersara daripada jawatan kabinet iaitu Menteri Pengangkutan.

Perdana Menteri berkata, beliau akan meminta Liong menimbangkan semula hasratnya itu tanpa mengira sama ada tindakannya itu akan dialu-alukan oleh MCA atau sebaliknya.

Bagaimanapun kata Dr. Mahathir, buat masa ini, beliau masih belum menerima surat peletakan jawatan daripada Presiden MCA itu.

Ditanya alasan tindakan Liong itu, beliau berkata Liong mahukan MCA men-

jadi semakin kukuh dan merasakan barisan baru dan muda perlu diberikan laluan supaya MCA semakin kuat.

“Beliau (Liong) mungkin merasakan yang beliau telah terlalu lama berada di situ (sebagai Presiden MCA) dan sewajarnya mengundurkan diri demi kebaikan partinya dan Barisan Nasional (BN),” katanya.

Bagaimanapun Dr. Mahathir menolak keputusan Liong itu ada kaitan dengan rasa tidak puas hati MCA terhadap kerajaan selepas berjaya mempamerkan prestasi yang cemerlang dalam pilihan raya umum lalu.

“Saya fikir kita (kerajaan) telah memberikan layanan yang sebaik-baiknya kepada MCA. Ia bukan sahaja layanan tetapi kita juga mengiktiraf peranan penting MCA,” tegasnya.

Ditanya sama ada beliau akan melakukan rombakan kabinet berikutan peletakan jawatan Liong, Dr. Ma-

hathir berkata, sebarang kekosongan jawatan dalam kabinet perlu diisi.

Bagaimanapun beliau tidak menyatakan sama ada rombakan yang dilakukan nanti rombakan kecil atau besar.

Kepada satu soalan Dr. Mahathir berkata, beliau akan menemui sendiri Liong untuk mendapatkan butiran lebih lanjut tentang keputusannya itu.

“Saya tidak tahu lagi maklumat sama ada beliau akan terus jadi Presiden (MCA) ataupun tidak. Saya akan berjumpa beliau. Saya sepatutnya berjumpa beliau hari ini tetapi nampaknya tidak dapat,” katanya.

Mengenai kesan peletakan jawatan Liong itu terhadap pilihan raya kecil Parlimen Telok Kemang, Perdana Menteri tidak merasakan isu itu akan menjejaskan persiapan Barisan Nasional (BN).

Katanya, ini kerana isu tersebut adalah masalah parti MCA sahaja.